

KAJIAN RINTIS TAHAP KOMPETENSI SIKAP GURU TERHADAP PENGGUNAAN BAHAN BERASASKAN TEKNOLOGI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI KELAS KAFA MENENGAH NEGERI SELANGOR

Maya Shafiqah Binti Shaharom
Fakulti Pendidikan
Universiti Islam Selangor
Email: 21mt9001@postgrad.student.kuis.edu.my

ABSTRAK

Kegagalan guru dalam melaksanakan PdP menggunakan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi adalah disebabkan masalah kompetensi. Pelbagai cabaran yang dihadapi oleh guru dalam usaha meningkatkan tahap kompetensi dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap. Aspek ini sebagai penentu bagi memastikan guru dapat menguasai penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kompetensi sikap guru terhadap pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi di kelas KAFA menengah (KKM) Negeri Selangor. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif menggunakan set soal selidik yang telah disahkan oleh tiga orang pakar bidang. Kajian rintis mencapai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dengan nilai Cronbach Alpha $\alpha = 0.97$. Responden kajian ini terdiri daripada 30 orang guru Kelas KAFA Menengah yang telah dipilih daripada 3 buah sekolah menengah di daerah Selangor. Dapatan kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferens iaitu kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan guru adalah tinggi (min = 4.27, SP = 0.45). Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa guru Kelas KAFA Menengah perlu lebih banyak latihan untuk menggunakan BBM yang berasaskan teknologi semasa PdP selaras dengan Pembelajaran Abad ke-21.

Kata Kunci: kompetensi, kelas KAFA menengah, pengajaran dan pembelajaran, bahan bantu mengajar berasaskan teknologi.

1. Pengenalan

Kompetensi keperibadian dan sikap seseorang guru merupakan tunjang utama dalam membina keemerlangan murid yang berkualiti. Keperibadian guru yang baik dan unggul memberikan mereka satu kemampuan yang tinggi dan rasa sosial yang positif bagi menggalas dan memikul tanggungjawab yang diberikan (Bhavani & Kinshuk, 2003). Keperibadian ini merupakan satu sifat yang mencerminkan dalaman seseorang guru disamping dapat membezakan sikap dengan guru yang lain (Siti Aisyah Kamaruddin & Latifah Abdul Majid, 2017). Justeru daripada itu, kemampuan peribadi guru yang positif dapat dijadikan suri teladan kepada murid (Zetty Nurzuliana Rashed, 2017). Menurut Spencer dan Spencer (2013), kompetensi keperibadian guru merupakan ciri-ciri yang terlindung. Seperti konsep Aisbeg, ciri ini sukar dilihat kerana kedudukannya terletak di bawah paras air. Oleh itu, ia merupakan faktor yang penting bagi membezakan seseorang guru itu menjadi cemerlang. Jadi, kajian ini menambahkan lagi nilai penyelidikan kerana pengkaji perlu mengkaji lebih mendalam faktor penting dalam mewujudkan guru cemerlang terutama sekali terhadap aspek peribadi yang sukar dilihat. Kompetensi keperibadian merupakan faktor penting dalam menghasilkan guru cemerlang. Kitab karangan Imam al-Ghazali yang bertajuk *Ihya' Ulumuddin* telah mengklafikasikan ciri-ciri sifat keperibadian yang perlu diamalkan oleh setiap guru bagi mengekalkan kualiti dan keemerlangan. Kerangka teori pendidik al-Ghazali memfokuskan terhadap peranan guru sebagai suri teladan, mengamalkan sifat mahmudah dalam kehidupan, memperkukuhkan kerohanian dan memperkasakan etika perguruan.

2. Latar Belakang Masalah

Menurut Abu Bakar (2021), guru yang cemerlang dan kreatif dalam menyampaikan isi pelajaran akan membantu murid memahami konsep atau kemahiran tertentu. Sebaliknya, guru yang tidak kompeten

dalam mendidik murid akan menghadapi masalah proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) mereka. Selain itu, sikap peribadi yang negatif juga boleh menghalang seorang guru daripada berjaya dalam kerjayanya. Walaupun ramai guru yang telah lama bekerja dalam profesion keguruan, terdapat ramai guru yang tidak kreatif dalam menyampaikan isi pelajaran dan kemahiran amali. Hal ini akan menyebabkan murid sukar untuk memahami konsep atau kemahiran terutamanya dalam mata pelajaran yang sukar untuk difahami. Kajian oleh Rohani et al., (2005) mendapati sikap guru terhadap matematik mempengaruhi cara dan pendekatan mereka dalam pengajaran. Adalah sukar untuk melaksanakan amalan kreatif dalam pengajaran sekiranya guru sendiri bersikap negatif.

Menurut Beghetto (2008) dan Fleith (2010), sesetengah guru ada yang bersikap negatif dengan menganggap mengintegrasikan elemen kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran adalah satu tugas tambahan. Sikap negatif ini pastinya menjadikan guru matematik kurang mengambil berat dalam mengamalkan pengajaran secara kreatif menyebabkan murid yang menerima pengajaran berasa bosan kerana tidak diberi peluang menyerlahkan kreativiti mereka secara optimum. Maka terdapat tanggapan negatif dalam kalangan murid yang menyatakan bahawa mata Pelajaran tauhid adalah subjek yang sukar, (Azizi, Jamaluddin & Yusof, 2007).

3. Pernyataan Masalah

Tahap sikap guru KKM dalam menghadapi penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam sesi PdP di sekolah membawa bersama beberapa isu dan masalah yang perlu diberi perhatian serius. Salah satu isu penting adalah keengganan atau kurangnya kesediaan guru KKM untuk menerima dan mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran (Mohd Faiz, 2021). Sikap konservatif terhadap perubahan atau kurang keyakinan dalam kemampuan menggunakan teknologi menjadi halangan utama.

Masalah kedua ialah kurangnya latihan dan sokongan untuk mengembangkan sikap yang proaktif dalam mengaplikasikan BBM (Mardiah, 2017). Guru KKM turut menghadapi kesulitan dalam memahami manfaat sebenar BBM dan cara yang efektif untuk mengintegrasikannya ke dalam kurikulum Pendidikan Islam. Ketiadaan bimbingan dan latihan khusus mengenai penggunaan teknologi berisiko menyumbang kepada sikap yang kurang positif.

Kekangan sumber daya juga menjadi faktor yang mempengaruhi sikap guru KKM terhadap penggunaan BBM. Kurangnya akses kepada peralatan, perisian, dan infrastruktur teknologi dapat menimbulkan sikap negatif atau rasa tidak yakin dalam mengaplikasikan BBM dalam pengajaran (Mwanlongo, 2011). Untuk mengatasi isu ini, pendekatan holistik perlu diambil dengan menyediakan latihan, sumber daya, dan sokongan yang mencukupi bagi guru KKM. Program pengembangan profesional yang membincangkan manfaat dan pelaksanaan BBM dapat membentuk sikap yang lebih positif dan membantu guru mengatasi kekangan yang dihadapi.

4. Sorotan Literatur

Kajian Hamdan dan Julia et al (2019) memfokuskan terhadap kompetensi sifat keperibadian guru pendidikan Islam terhadap rakan setugas dan pihak atasan di sekolah. Kajian ini melibatkan beberapa sekolah di negeri Johor dan menemukan 21 sifat yang membentuk pola sifat keperibadian guru pendidikan Islam terhadap rakan setugas dan pihak atasan. Kajian selari dengan dapatan Allya Cassandra Alim et al, (2016) yang memperolehi sebanyak 86.8% terhadap tugas dan tanggungjawab guru pendidikan Islam adalah tinggi. Dalam waktu yang sama, keperibadian guru pendidikan Islam

mempunyai sikap hati yang baik, sifat peramah dan mudah mesra, peka dan kesudian menjadi tempat rujuk. Kenyataan ini turut disokong oleh Nata, D. H. A. (2016) guru pendidikan Islam mampu menerapkan nilai positif dalam mempengaruhi rakan sejawatan. Seterusnya, kajian ini dapat menghasilkan model sifat keperibadian guru pendidikan Islam yang dilihat mempunyai persamaan dalam kajian kompetensi guru KKM. Walau bagaimanapun, kajian ini membuka ruang dalam cadangan kajian untuk meneroka emosi dan sikap guru pendidikan Islam yang bersesuaian dengan situasi, tempat dan suasana.

Kajian Ghavifekr et al. (2016) dijalankan secara berskala besar, bertujuan bagi meneroka kompetensi guru dalam membentuk sahsiah pelajar sekolah. Kajian ini dijalankan terhadap 297 pelajar tingkatan empat dari enam buah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kompetensi yang dapat dilihat dalam kajian ini menemukan faktor membentuk sahsiah guru seperti memberi sepenuh tenaga dan perhatian ketika PdPc dan mewujudkan motivasi serta minat murid terhadap pembelajaran. Kenyataan ini selaras dengan hasil kajian Zaira, Zolkefli & Saidon, (2016) yang menyatakan bahawa peranan guru amat penting dalam membentuk kemenjadian pelajar dalam sesebuah sekolah. Saranan turut disokong Ali Maulida, (2017) yang menyatakan bahawa penerapan nilai-nilai sahsiah menjadi tanggungjawab guru dalam membentuk sahsiah diri pelajar agar menjadi generasi beretika dan jiwa yang bersih. Walau bagaimanapun, kajian ini memberi penegasan tentang guru agar perlu mempunyai asas pengetahuan dan pengamalan yang kuat dalam membentuk sahsiah pelajar yang begitu kompleks.

Syafiqah Solehah dan Tengku Sarina (2017) menerusi kajian berkenaan permasalahan dan cabaran guru pendidikan Islam dalam membentuk personaliti dan akhlak pelajar. Permasalahan kajian tercetus apabila fenomena keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar berlaku secara kritikal. Sedemikian itu, tujuan kajian ini membincangkan dan menganalisis persediaan guru pendidikan Islam dalam menghadapi cabaran membentuk personaliti murid. Hasil dapatan kajian menunjukkan beberapa peranan guru pendidikan Islam dalam pembentukan personaliti pelajar dilihat sebagai contoh yang terbaik atau "role model" sebagai pemangkin dalam membentuk personaliti pelajar. Faktor lain guru pendidikan Islam dilihat dapat mempengaruhi anak muridnya dengan cara mudah didekati dan mesra pelajar. Di samping itu, kajian ini menyenaraikan sifat-sifat yang perlu dimiliki oleh guru yang berkualiti seperti sifat zuhud (mendidik kerana mencari keredaan Allah), kebersihan diri, keikhlasan dalam bekerja, mempunyai sifat halim (lemah lembut), menjaga kehormatan diri, sebagai bapa kepada setiap murid, memahami tabiat murid dan kemampuan dalam keilmuan. Kesimpulannya, istilah guru pendidikan Islam yang mengamalkan kualiti dalam kehidupan memberi impak yang besar dalam membentuk personaliti murid.

5. Objektif Dan Persoalan Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah berpandukan kepada objektif yang ditetapkan adalah untuk mengenal pasti tahap kompetensi sikap guru Kelas KAFA Menengah (KKM) di Selangor terhadap penggunaan bahan berasaskan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Manakala persoalan kajian yang perlu dijawab bagi melengkapkan kajian ini adalah "Apakah tahap kompetensi sikap guru Kelas KAFA Menengah (KKM) di Selangor terhadap penggunaan bahan berasaskan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran?"

6. Metodologi Kajian

Nilai min yang diperolehi daripada sampel kajian ditunjukkan dalam bentuk jadual dan interpretasi nilai yang dibuat berdasarkan jadual interpretasi tahap skor min Jadual 4.2.

Jadual 4.2 Interpretasi tahap skor min (Nunnally & Bernstein, 1994)

Selang Skala Min	Interpretasi
1.0 – 2.0	Rendah
2.1 – 3.0	Sederhana Rendah
3.1 – 4.0	Sederhana Tinggi
4.1 – 5.0	Tinggi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu borang soal selidik diedarkan untuk mengumpul data. Reka bentuk deskriptif digunakan untuk mengenal pasti tahap kompetensi sikap guru Kelas KAFA Menengah (KKM) di Selangor terhadap penggunaan bahan berasaskan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Seramai 30 orang guru KAFA dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Borang soal selidik telah diedarkan. Item yang berbentuk skala likert digunakan untuk mengenal pasti tahap persetujuan sampel terhadap pernyataan yang disediakan. Sebanyak 6 item berkenaan dengan sikap guru KAFA menggunakan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Responden telah menjawab pernyataan yang disediakan berdasarkan skala Likert iaitu 1 = sangat tidak setuju, 2 = Tidak setuju, 3 = Kurang setuju, 4 = Setuju dan 5 = Sangat setuju. Data yang dikumpulkan melalui telah dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 26. Data yang berbentuk kekerapan, peratusan dan min telah diperoleh setelah analisis data dijalankan.

7. Analisis Dapatan Kajian

Tahap Kompetensi Pengetahuan Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Di Kelas KAFA Menengah Negeri Selangor.

Descriptive Statistics

	STS	TS	KS	S	SS	Mean	Std. Deviation	Interpretasi Data
D1			1	29		3.97	.183	Sederhana Tinggi
D2			2	24	4	4.07	.450	Tinggi
D3			4	22	3	3.97	.490	Sederhana Tinggi
D4		1	1	26	2	3.97	.320	Sederhana Tinggi
D5			2	27	1	4.00	.371	Sederhana Tinggi
D6			2	26	2	3.97	.320	Sederhana Tinggi
D7			2	27	1	4.00	.263	Sederhana Tinggi
D8			1	28	1	4.13	.346	Tinggi
D9				26	4	4.13	.346	Tinggi
D10			1	23	6	4.17	.461	Tinggi
D11			2	25	3	4.03	.414	Tinggi
D12				22	8	4.27	.450	Tinggi

Item yang memperolehi nilai min yang tertinggi di antara 12 item pada Bahagian D ini adalah item D12 iaitu “Saya bersedia dalam meningkatkan ilmu pengetahuan kelas KAFA menengah (KKM)”

dengan mencatatkan nilai min 4.27. Dapatan kajian mendapati seramai 22 orang responden (73.3%) menyatakan setuju dan seramai 8 orang responden (26.7%) menyatakan sangat setuju. Hal ini menunjukkan, bahawa ramai dalam kalangan guru KAFA setuju dengan item ini. Seterusnya, item yang mendapat nilai min kedua tertinggi adalah item D10 iaitu “Saya menerima pandangan murid semasa pengajaran berlangsung” yang mencatatkan nilai min 4.16 Seramai 23 orang responden (76.7%) menyatakan setuju serta seramai 2 orang responden (6.7%) menyatakan kurang setuju. Item yang mencatatkan nilai min ketiga tertinggi adalah item D10 iaitu “Saya menerima pandangan murid semasa pengajaran berlangsung” dengan nilai min sebanyak 4.17 dengandapatan seramai 23 orang responden (36.0%) menyatakan setuju dan 25 orang responden (50.0%) menyatakan kurang setuju. Selebihnya iaitu seramai 10 orang responden (20.0%) menyatakan kurang setuju dan seramai 3 orang responden (6.0%) menyatakan tidak setuju serta seramai 3 orang responden (6.0%) menyatakan sangat tidak setuju. Item yang berikutnya adalah item D8 iaitu “Saya berasa gembira apabila murid menunjukkan minat untuk belajar semasa pengajaran dan pembelajaran kelas KKM menggunakan BBM berasaskan teknologi.” yang mencatatkan nilai min 4.13, seramai 26 orang responden (86.7%) menyatakan setuju diikuti dengan seramai 4 orang responden (13.3%) menyatakan sangat setuju. Selain itu, bagi item D9 iaitu “Saya berusaha dalam menambah baik mutu pengajaran dalam melaksanakan tugas di sekolah” yang mencatatkan nilai min bagi item ini adalah 4.13 seramai 26 orang responden (86.7%) yang menyatakan setuju, manakala seramai 4 (13.3%) orang responden menyatakan sangat setuju. Item D11 iaitu “Saya rasa bertanggungjawab untuk melaksanakan aktiviti yang menarik semasa pengajaran dan pembelajaran KKM menggunakan BBM berasaskan teknologi” dengan nilai min sebanyak 4.03 yang menunjukkan kekerapan yang paling tinggi menjawab setuju adalah seramai 25 orang responden (83.3%). Seramai 3 orang responden (10.0%) yang menyatakan sangat setuju bagi item ini, manakala 2 orang responden (6.7%) adalah kurang setuju. Bagi item D2 iaitu “Saya rasa bersemangat semasa pengajaran kelas KAFA menengah menggunakan BBM berasaskan teknologi” menyatakan min sebanyak 4.07. Dapatan bagi item ini adalah seramai 24 orang responden (80.0%) yang menyatakan setuju dalam kalangan guru perlu mempunyai sifat semangat dalam diri semasa mengendalikan proses PdP. Manakala untuk kekerapan sangat setuju adalah seramai 4 orang responden (13.3%) dan seramai 2 (6.7%) orang menyatakan kurang setuju. Nilai min sebanyak 4.00 adalah D7 iaitu “Saya bersikap positif terhadap keberkesanan BBM digital dalam memotivasikan murid untuk belajar semasa di KKM”. Seramai 28 orang responden (93.0%) menyatakan setuju bagi item ini dan 1 orang responden (3.3%) menyatakan sangat setuju. Selain itu, seramai 1 orang responden (3.3%) menyatakan kurang setuju. Dapatan bagi item D5 iaitu “Saya bersikap positif terhadap keberkesanan BBM berasaskan teknologi dalam memupuk nilai positif di KKM” juga sama nilai minnya 4.00 dengan item seramai 26 orang responden (86.7%) yang menyatakan setuju dengan item ini, manakala seramai 2 orang responden (6.7%) yang menyatakan sangat setuju, seramai 2 orang responden (6.7%) menyatakan kurang setuju.

Bagi item D3 iaitu “Saya bersikap positif dalam melaksanakan pengajaran berasaskan BBM berasaskan teknologi semasa di KKM” nilai min sebanyak 3.97 dengan responden seramai 26 orang (86.7%) yang menyatakan setuju dengan item ini, seterusnya, seramai 2 orang responden (6.7%) menyatakan sangat setuju, seramai 1 orang responden (3.3%) menyatakan kurang setuju dan seramai 1 orang responden (3.3%) menyatakan tidak setuju.

Bagi item D1 iaitu “Saya bersikap positif terhadap BBM berasaskan teknologi dalam pelaksanaan KKM” nilai min sebanyak 3.97 dengan responden seramai 29 orang (96.7%) yang menyatakan setuju dengan item ini, seramai 1 orang responden (3.3%) menyatakan kurang setuju. Bagi item D4 iaitu “Saya bersikap positif terhadap keberkesanan BBM digital dalam memotivasikan murid untuk belajar semasa di KKM” nilai min sebanyak 3.97 dengan responden seramai 27 orang (90.0%) yang menyatakan setuju dengan item ini, seramai 1 orang responden (3.3%) menyatakan sangat setuju.

Manakala seramai 2 orang (6.7%) menyatakan kurang setuju. Bagi item D6 iaitu “Saya bersikap positif terhadap keberkesanan BBM berasaskan teknologi dalam memupuk nilai positif di KKM” nilai min sebanyak 3.97 dengan responden seramai 27 orang (90.0%) yang menyatakan setuju dengan item ini, seramai 1 orang responden (3.3%) menyatakan sangat setuju. Manakala seramai 2 orang (6.7%) menyatakan kurang setuju.

8. Perbincangan

Tahap kompetensi sikap guru KAFA terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah KKM Negeri Selangor. Hasil dapatan bagi tahap kompetensi sikap guru KAFA di Negeri Selangor menunjukkan guru KAFA kesan yang positif untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan sentiasa memperbaiki diri khususnya dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Seterusnya, guru KAFA bersetuju bahawa penggunaan BBM berasaskan teknologi memberi kesan yang positif sahaja pada guru malah membantu murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Menurut Kreijns, van Acker, Vermeulen dan van Buuren (2017), faktor sikap menjadi hubungan yang paling kuat kepada keinginan menggunakan teknologi dalam pendidikan. Seseorang guru tidak akan menggunakan teknologi dengan berkesan sekiranya mereka tidak mempunyai sikap yang positif terhadap penggunaan teknologi dalam pendidikan walaupun mereka mempunyai pengetahuan dan 84 kemahiran mengenai teknologi tersebut. Keperluan ketiga-tiga dimensi iaitu dari aspek pengetahuan, kemahiran dan juga sikap perlu dititikberatkan agar selari dengan profession seorang pendidik.

Penerimaan pandangan murid dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat membantu dalam menciptakan ruang lingkup kelas yang mendorong kepada interaksi dua hala, keterlibatan murid, dan peningkatan keseluruhan dalam pengalaman belajar. Menurut Suzana Ismail, (2019) mengatakan bahawa teknologi juga telah meningkatkan kerjasama dalam kalangan pelajar dan guru. Dengan penggunaan teknologi dalam pembelajaran terutama sekali pembelajaran di atas talian, pelajar boleh bekerjasama dalam projek kumpulan, berkongsi idea dan belajar daripada satu sama lain. Ini dapat menjadikan pembelajaran lebih sosial dan membantu membina semangat bantu-membantu di dalam bilik darjah. Contohnya, forum perbincangan dalam talian, persidangan video dan dokumen yang dikongsi memudahkan pelajar bekerjasama dalam projek dan tugas. Sifat kerjasama ditunjukkan dalam meningkatkan pemikiran kritis, penyelesaian masalah dan kemahiran komunikasi di kalangan murid.

Berkenaan dengan sikap guru yang mempunyai tanggungjawab dalam melaksanakan aktiviti semasa pengajaran, pelbagai manfaat dan faedah yang akan diperolehi guru KKM. Antaranya dalam melaksanakan aktiviti yang menarik sehingga mampu untuk menghasilkan pengajaran yang aktif. Pelbagai faedah dan manfaat yang diperolehi jika guru-guru menggunakan BBM dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan bukan hanya kepada pelajar sahaja bahkan kepada guru itu sendiri. Oleh yang demikian, pelbagai maklumat yang berguna diperolehi serta dapat meningkatkan pengetahuan semasa penyediaan BBM terhadap sesuatu topik yang akan diajari di dalam kelas. Di samping itu, guru perlulah menjadikan pengajaran yang lebih kepada berpusatkan murid supaya guru mudah membentuk dan menerapkan nilai-nilai serta amalan yang baik agar dapat melahirkan pelajar yang cemerlang dan berkualiti dari pelbagai aspek. Pengendalian BBM bergantung kepada kepakaran atau kemahiran guru dalam menggunakan bahan tersebut.

Peranan sebagai seorang guru merupakan ibu bapa kedua bagi murid di sekolah, guru juga perlu membentuk dan melahirkan murid yang seimbang dari segi akhlak yang merangkumi keperibadian yang baik dan juga pencapaian akademik. Secara keseluruhannya, kompetensi guru terhadap

penggunaan BBM berasaskan teknologi berkait rapat dengan keupayaan untuk mencari maklumat, memilih, menilai secara kritikal dan menggunakan maklumat yang diperolehi untuk menyelesaikan masalah dalam pelbagai konteks (Limberg, Sundin & Talja, 2012). Tinjauan literatur mengenai kajian berkaitan kompetensi guru terhadap penggunaan BBM berasaskan teknologi, majoriti pengkaji bersetuju bahawa konsep kompetensi guru terhadap penggunaan BBM berasaskan teknologi adalah berkaitan dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang membolehkan seseorang individu melakukan aktiviti yang diberikan dengan berkesan mencapai standard yang ditentukan dalam pekerjaan mereka.

Seiring dengan era teknologi masa kini, seharusnya pembelajaran tidak lagi tertumpu kepada cara pembelajaran yang bersifat tradisional sebaliknya kemudahan teknologi perlu dimanfaatkan sebaiknya agar selari dengan minat pelajar terutamanya dalam kalangan generasi Z. Penekanan diberikan pada model kognitif yang berasaskan kepada video untuk menilai pemikiran, membuat keputusan, dan refleksi guru. Ia juga merupakan pendekatan yang biasa digunakan dalam pengawasaan pendidikan guru. Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) adalah amat penting bagi guru memastikan penyampaian maklumat yang berkaitan dengan mata pelajaran yang diajar adalah lebih jelas dan sistematik serta dapat diikuti oleh murid dengan lebih baik, secara tidak langsung dapat meningkatkan kemahiran guru dalam menyediakan BBM untuk murid selari dengan takap mereka (Noorazman etc, 2019). Dalam kajian ini membuktikan bahawa tahap kompetensi pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Kafa terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah KKM Negeri Selangor menunjukkan impak yang positif terhadap pengajaran guru dan pembelajaran murid.

9. Rumusan Dan Cadangan

Cadangan Kajian Lanjutan Melalui hasil dapatan kajian ini, pengkaji telah menyetujui beberapa cadangan untuk dipertimbangkan oleh pengkaji-pengkaji lain yang perlu mereka terokai berkaitan dengan bahan bantu mengajar ini. Antara cadangan kajian lanjutan yang dikemukakan ialah:

i) Kajian ini hanya melibatkan guru Kelas Kafa Menengah (KKM) di negeri Selangor dibawah kendalian Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Oleh itu, diharapkan supayakajian lanjutan dapat melibatkan guru Pendidikan Khas agar kita dapat melihat bagaimanakah tahap kompetensi guru dalam penggunaan BBM dalam kalangan guru Pendidikan Khas. Hal ini kerana, terdapat dapatan kajian lepas yang mengatakan, PdP Pendidikan Khas sangat istimewa berbanding PdPc yang biasa, kerana memerlukan masa yang lama untuk menyiapkan PdPc tersebut. Kajian ini boleh dikembangkan lagi terhadap pelbagai jenis sekolah yang ada dibawah kendalian JAIS seperti Kafa, Kafa I, SRA, SRA I, MITS, SAM, dan SAMT.

ii) Fokus kajian ini adalah pada bidang tauhid sahaja, malah dalam Kelas Kafa Menengah (KKM) mempunyai pelbagai bidang iaitu bidang Hadis, Tajwid, Bahasa Arab, Feqah, Tafsir dan Akhlak. Diharap agar kajian lanjutan dapat mengkaji dalam bidang lain di Kelas Kafa Menengah (KKM) negeri Selangor.

iii) Selain itu, pengkaji mencadangkan agar penyelidik yang lain menggabungkan kedua-dua kaedah kajian iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Hal ini kerana agar kajian lanjutan dapat memberikan dapatan kajian yang lebih berkesan serta lebih berkualiti.

iv) Akhir sekali, pengkaji mencadangkan agar populasi informan lebih diperluaskan kepada guru Pendidikan mata pelajaran selain Pendidikan Islam di sekolah-sekolah lain untuk mengenalpasti keberkesanan penggunaan BBM dalam PdPc mereka, adakah terdapat perbezaan yang ketara antara guru Pendidikan bagi mata pelajaran lain.

10. Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini dijalankan untuk meninjau kompetensi, sikap dan penggunaan BBM berasaskan teknologi sebagai bahan bantu mengajar dalam kalangan guru kelas KAFA Menengah di daerah Selangor. Diharapkan dapatan kajian ini dapat membantu untuk mengenal pasti kelebihan dan kekurangan penggunaan BBM berasaskan teknologi dalam kalangan guru KAFA. Seterusnya, proses penambahbaikan dilakukan dan proses PdP boleh dilaksanakan dengan berkualiti dan berkesan. Oleh itu, proses PdP di sekolah bertambah baik dan berkualiti

11. Rujukan

- Ahmad, A. M. (2009). Tahap Kesiediaan Pengetahuan Dan Kemahiran Amali Guru PKPG Sekolah Rendah Mengajar Kemahiran Hidup Di Sekolah Menengah. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ariffin, N. (2005). Persepsi Pelajar Terhadap Sikap, Pengetahuan Dan Kemahiran Dalam Mata Pelajaran Vokasional Di Sekolah Menengah Akademik Di Batu Pahat. Projek Sarjana.
- Ariffin, S. (2006). Tahap Kompetensi Guru Sekolah Rendah Terhadap Pengajaran Sains Dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris. Tesis Universiti Teknologi Malaysia, Jabatan Asas Pendidikan.
- Azura binti Mohd Nor & Sabariah binti Sharif, (2018). Penggunaan Bahan Visual Di Kalangan Guru Teknikal: Universiti Malaysia Sabah.
- Azliza, C. M., & Lilia, H. (2002). Reka Bentuk Dan Keberkesanan Pembelajaran Berbantuan Multimedia Pendekatan Konstruktivisme Bagi Sains Kbsm. *Jurnal Teknologi*, 19-38.
- Abdul Halim Masnan, N. E. (2019). Pengetahuan Pengajaran dalam Kalangan Guru Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak*, 33-41.
- Akhimullah Abd Hamid, A. R. (2019). Concept, Issues and Challenges for Effective Facilitations in History Education. *Social Sciences, Education and Humanities Vol (2)*, 176-181.
- Bordeianu, A. D. (2019). Exploring Global Competencies for Future Educators: Investigating Students 39; Global Competency Level in Teacher Preparation Programs-Traditional Versus Global Education (Doctoral dissertation, Oakland University).
- Buntat., Y. &. (2012). Faktor-Faktor Yang Mendorong Kreativiti Di Kalangan Pelajar. *Journal Of Educational Psychology And Counseiling*, Volume 2, 175-208.
- Baharuddin Aris dan Norsyafrina Abd Rahman (2010). Pembangunan Kamus Fizik Interaktif Berasaskan Web: AskPhysics. Projek Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Chee, J. N. (2018). Isu Pengetahuan kandungan, pedagogi dan teknologi dalam kalangan guru prasekolah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(1), 7-21.
- Haslina binti Hamzah, N. S. (2017). Hubungan Cabaran Guru Bukan Opsyen, Kurikulum Dan Iklim Sekolah Dalam Pengajaran Bahasa Arab Di Beberapa Sekolah Rendah Agama Jais Daerah Hulu Langat Selangor. Seminar Kebangsaan Isu-isu Pendidikan (SPEN2017). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

- Hasnah, I. (2017). Kompetensi Guru Bahasa Melayu Dalam Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 56-65.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2009). *Standard Guru Malaysia*. Putrajaya: : Bahagian Pendidikan Guru.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Naquiah Nahar, & Jimaain Safar. (2018). Penguasaan pengetahuan kandungan (content knowledge): pemangkin keterampilan pedagogi Jawi berkesan abad ke-21. *Jurnal Teknikal & Sains Sosial*, 8(1), 45-59.